THE DEVELOPMENT BANK OF SINGAPORE LTD *a*

lwn.

LIM GAIT TONG

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG *b*
HASSAN LAH H
[SAMAN PEMULA NO: 24-1952-1999]
30 JULAI 2001

PROSEDUR SIVIL: *Afidavit - Sama ada afidavit cacat kerana diikrarkan dalam bahasa melayu - Penyerahan notis perintah pendaftaran diserahkan kepada peguamcara defendan - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 67 k. 7(1) - Sama ada sah - Sama ada mematuhi A. 67 k. 7(3) - Afidavit mempunyai faedah dan caj yang lain - Sama ada dibenarkan - Sama ada perintah mahkamah luar negara boleh didaftarkan walaupun kos belum ditaksirkan - Perintah tambahan tidak selaras dengan perintah asal mahkamah - Sama ada boleh diasingkan - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 2 k. 1(1)* *c* *d*

Ini adalah permohonan oleh defendan melalui saman dalam kamar (Lampiran 9) untuk mengetepikan penyampaian perintah mahkamah bertarikh 19 Januari 2000 dan notis pendaftaran penghakiman luar bertarikh 22 Februari 2000 dan juga untuk mengetepikan pendaftaran penghakiman Mahkamah Tinggi Singapura bertarikh 14 Mei 1999 di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 19 Januari 2000. Latar belakang kes adalah pada 14 Mei 1999 plaintif telah berjaya mendapat penghakiman daripada Mahkamah Tinggi Singapura terhadap defendan di mana mahkamah tersebut telah membenarkan plaintif mendapat bayaran balik daripada defendan. Lanjutan kepada penghakiman tersebut plaintif telah membuat permohonan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang melalui saman pemula menurut Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersilang 1958 (Akta) dan A. 67 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (Kaedah-kaedah) untuk mendaftar perintah Mahkamah Tinggi Singapura itu. Mahkamah telah membenarkan permohonan plaintif seperti dipohon dan peguamcara plaintif kemudiannya telah membuat cabutan perintah mahkamah itu. *e* *f* *g*

Defendan telah membangkitkan isu-isu berikut: (i) kecacatan kedua-dua afidavit yang difailkan oleh plaintif untuk menyokong permohonan pendaftaran penghakiman Mahkamah Tinggi Singapura itu dalam bahasa melayu; (ii) notis tentang perintah pendaftaran tersebut tidak diserahkan ke atas diri defendan sebagaimana dikehendaki oleh A. 67 k. 7(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi; (iii) notis tersebut juga tidak mematuhi kehendak-kehendak A. 67 k. 7(3) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi; (iv) *h* *i*

perintah oleh Mahkamah Tinggi Singapura itu adalah tidak jelas disebabkan adanya perintah tentang faedah dan caj lain; (v) kos bagi kes Mahkamah Tinggi Singapura perlu ditaksirkan sebelum penghakiman mahkamah tersebut boleh didaftarkan di Malaysia; dan (vi) perintah Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang dicabut oleh plaintif itu tidak sah kerana perintah itu berbeza daripada perintah sebenar yang diberikan oleh hakim dan mempunyai perintah tambahan pertama dan kedua.

Diputuskan:

[1] Afidavit-afidavit dalam kes ini diikrarkan di hadapan Notari Awam di Singapura di mana Bahasa Melayu digunakan secara luas dan dengan demikian tidak ada sebab kenapa notari awam berkenaan tidak faham Bahasa Melayu. Di samping itu, kedua-dua teks Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris afidavit-afidavit tersebut diikrarkan pada masa yang sama di hadapan notari awam yang sama. Ini bermakna apa yang diterjemahkan oleh notari awam tersebut kepada deponen adalah sebagaimana yang terkandung dalam teks bahasa inggeris. Mahkamah menolak isu tentang kecacatan afidavit-afidavit plaintif yang ditimbulkan oleh peguamcara defendan. (ms 134 a-b)

[2] Defendan telah bersetuju melepaskan hak untuk diserahkan notis tersebut ke atas dirinya sendiri apabila dia membenarkan peguamcaranya menerima notis tersebut bagi pihaknya. Adalah tidak wajar untuk defendan menyatakan di peringkat ini bahawa penyerahan notis tersebut ke atas peguamcaranya cacat. Berdasarkan pengakuan yang diberi oleh peguamcara defendan bahawa dia mempunyai arahan daripada defendan untuk menerima notis tersebut bagi pihak defendan dan di atas pengakuan tersebut peguamcara plaintif menyerahkan notis tersebut kepada peguamcara defendan maka penyerahan notis tersebut adalah sah. (ms 135 a-b)

[3] Notis tersebut telah mematuhi kehendak-kehendak A. 67 k. 7(3) Kaedah-kaedah di mana nama dan alamat plaintif telah dinyatakan dan ada disebut dalam kepala surat notis tersebut. Defendan pada setiap masa mengetahui nama dan alamat peguamcara plaintif. (ms 135 h & 136 a)

[4] Afidavit yang difailkan oleh pihak plaintif untuk menyokong permohonan plaintif untuk mendaftar penghakiman Mahkamah Tinggi Singapura itu telah mematuhi kehendak A. 67 k. 3(1)(d) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Peruntukan tersebut cuma mengkehendaki jumlah faedah dinyatakan tetapi ia tidak menyatakan jumlahnya tidak boleh termasuk jumlah-jumlah lain yang kena dibayar. Lagipun jumlah

yang dituntut untuk caj perkhidmatan tersebut adalah suatu jumlah yang kecil dan juga jumlah tersebut adalah jumlah yang kena dibayar oleh defendan juga. Tidak salah bagi pihak plaintif menuntut jumlah tersebut bersama-sama dengan faedah yang kena dibayar. (ms 138 h-i)

[5] Perintah mahkamah luar negara boleh didaftarkan di bawah Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersilang 1958 walaupun kos berkaitan kes itu belum ditaksirkan. Tiada peruntukan di bawah Akta tersebut atau di bawah A. 67 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 menyatakan jumlah kos perlu dinyatakan semasa permohonan untuk mendaftar penghakiman tersebut dibuat. Ia tidak menjadikan perintah mahkamah ini yang membenarkan perintah Mahkamah Tinggi Singapura didaftar sebagai tidak sah. Oleh kerana kos belum ditaksirkan lagi maka jumlah dalam bentuk kos tidak boleh dikuatkuasa ke atas defendan lagi. (ms 140 e-f)

[6] Jikapun perintah tambahan pertama dan kedua ini merupakan variasi kepada perintah asal mahkamah, ia boleh dianggap sebagai suatu luar aturan di bawah A. 2 k. 1(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan tidak menjadikan perintah bertarikh 19 Januari 2000 itu tidak sah. Di samping itu jika perintah tambahan tersebut tidak selaras dengan perintah asal mahkamah pada 19 Januari 2000 ia boleh diasingkan daripada perintah asal itu. Atas kepentingan keadilan perintah pendaftaran bertarikh 19 Januari 2000 itu patut dikekalkan. (ms 143 f & 144 a-b)

[Permohonan defendan ditolak dengan kos.]

Kes yang dirujuk:

Edwards & Co v. Picard [1909] 2 KB 903 ***(dirujuk)***

Goh Siew Wah v. Columbia Films of Malaysia Ltd [1966] 1 MLJ 39 ***(dirujuk)***

Henderson v. Henderson [1911] 6 QB 287 ***(dirujuk)***

Ian James Rogers v. Menteri Sumber Manusia & Satu Lagi [1998] 5 MLJ 290 ***(dirujuk)***

Lee Wah Bank Ltd v. Chee Kang Electrical Engineering Sdn Bhd [1999] 2 CLJ 977 ***(dirujuk)***

Re Raja Jayaraman Kerpaya ex p Associated Asian Securities (Pte) Ltd [1999] 5 CLJ 23 ***(dirujuk)***

Tan Yeow Khoon & Anor v. Tan Yew Tat & Anor (No 2) [2000] 3 SLR 323 ***(dirujuk)***

Tuan Hj Ahmed Abdul Rahman v. Arab-Malaysian Finance Bhd [1996] 1 CLJ 241 ***(dirujuk)***

Yong Tet Miaw & Anor v. MBf Finance Bhd [1992] 2 SLR 761 ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 2 r. 1(1), O. 67 rr. 2, 3(1)(d), 5(1), (2), 7(1), (3), 9(3)

Bagi pihak plaintif - Karin Lin (En Dominic); M/s Presgrave & Matthews
Bagi pihak defendan - VM Mohan (En Fareed); M/s VM Mohan, Fareed & Co

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Hassan Lah H:

Ini adalah permohonan oleh defendan melalui saman dalam kamar (Lampiran 9) untuk mengketepikan penyampaian perintah mahkamah bertarikh 19 Januari 2000 dan notis pendaftaran penghakiman luar bertarikh 22 Februari 2000 dan juga untuk mengketepikan pendaftaran penghakiman Mahkamah Tinggi Singapura bertarikh 14 Mei 1999 di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 19 Januari 2000.

Permohonan defendan ini disokong oleh dua afidavit defendan yang diikrarkan pada 17 Mac 2000 dan 25 Ogos 2000. Plaintif memfailkan afidavit yang diikrarkan oleh Tan Yeu Cheng pada 10 Ogos 2000 untuk menjawab afidavit defendan. Di samping itu plaintif juga bergantung kepada afidavit-afidavit yang diikrarkan terdahulu oleh Tan Yeu Cheng pada 17 September 1999, 15 Disember 1999 dan 14 Januari 2000.

Latar belakang kes adalah seperti berikut. Pada 14 Mei 1999 plaintif telah berjaya mendapat penghakiman daripada Mahkamah Tinggi Singapura terhadap defendan di mana mahkamah tersebut telah membenarkan plaintif mendapat bayaran balik daripada defendan seperti berikut:

(1) US$1,566,701.28;

(2) faedah pada kadar lima peratus (5%) setahun ke atas kadar pinjaman perdana (prime lending rate) pihak plaintif dan Tawaran Kadar Antara Bank Singapura (Singapore Inter-bank Offer Rate) dikira berdasarkan kiraan harian dan berdasarkan 365 hari dan dengan rehat bulanan dari 26 Ogos 1998 hinggalah ke tarikh penyelesaian;

(3) bayaran perkhidmatan bulanan pada kadar seperti yang ditentukan oleh pihak plaintif dari bulan Ogos 1998 hinggalah ke tarikh penyelesaian; dan

(4) kos yang akan ditetapkan atas dasar peguamcara dan anakguaman.

Lanjutan kepada penghakiman tersebut plaintif telah membuat permohonan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang melalui saman pemula menurut Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersilang 1958 dan A. 67 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 untuk mendaftar perintah Mahkamah Tinggi Singapura itu. Bahagian yang relevan dalam saman pemula itu berbunyi seperti berikut:

SAMAN PEMULA EX-PARTE

Benarkan semua pihak yang berkenaan hadir di hadapan Hakim pada 3 haribulan November 1999 jam 9.00 pagi atas pendengaran satu permohonan oleh pihak Plaintif yang tersebut di atas untuk suatu perintah bahawa Penghakiman yang bertarikh 14hb. Mei 1999 dan Mahkamah Tinggi Republik Singapura di mana telah diputuskan bahawa pihak Plaintif yang tersebut di atas membayar kembali jumlah wang sebanyak:

(1) US$1,566,701.28;

(2) faedah pada kadar lima peratus (5%) setahun ke atas kadar pinjaman perdana (prime lending rate) pihak Plaintif dan Tawaran Kadar Antara Bank Singapura (Singapore Inter-Bank Offer Rate) dikira berdasarkan kiraan harian dan berdasarkan 365 hari dan dengan rehat bulanan dari 26.8.1998 hinggalah ke tarikh penyelesaian;

(3) bayaran perkhidmatan bulanan pada kadar seperti yang ditentukan oleh pihak Plaintif dari bulan Ogos 1998 hinggalah ke tarikh penyelesaian; dan

(4) kos yang akan ditetapkan atas dasar peguamcara dan anakguaman

boleh didaftarkan sebagai penghakiman di Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang selaras dengan Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 (Pindaan 1972) (Reciprocal Enforcement of Judgment Act 1958 (Revised 1972)) dan Aturan 67 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan bahawa defendan hendaklah membayar kos permohonan ini dan lain-lain relif yang dianggap patut dan suaimanfaat oleh Mahkamah Yang Mulia ini.

Berdasarkan permohonan itu mahkamah telah membenarkan permohonan plaintif seperti dipohon. Peguamcara plaintif kemudiannya telah membuat cabutan (extracted) perintah mahkamah itu seperti berikut:

PERINTAH BAGI PENDAFTARAN PENGHAKIMAN ASING

DI HADAPAN YANG ARIF HAKIM

DATO' WAN ADNAN BIN MUHAMAD

PADA 19HB. JANUARI 2000 DALAM KAMAR

ATAS PERMOHONAN Plaintif dalam Saman Pemula bertarikh 17.9.1999 DAN SETELAH MEMBACA Afidavit Sokongan Tan Yeu Cheng yang diikrarkan pada 17.9.1999, Afidavit Tambahan Tan Yeu Cheng yang diikrarkan pada 15.12.1999 dan Afidavit Tambahan (II) Tan Yeu Cheng yang diikrarkan pada 14.1.2000 DAN SETELAH MENDENGAR Encik Dominic Pillai peguamcara bagi Plaintif ADALAH DIPERINTAHKAN BAHAWA Penghakiman yang bertarikh 14.5.1999 daripada Mahkamah Tinggi Republik Singapura yang menurutnya telah dihakimi bahawa Plaintif

yang dinamakan di atas yang beralamat di No. 6, Sheton Way, DBS Building, Tower One, Singapore 068809 boleh mendapatkan kembali daripada Defendan yang dinamakan di atas yang beralamat di No. 27-F, Jalan Tunku Abdul Rahman, 10350 Georgetown, Malaysia dan/atau d/a Farlim Group (Malaysia) Bhd. di 228, Bangunan Farlim, Jalan PJS 10/32 Bandar Sri Subang, 46000 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia wang sebanyak:

(1) US$1,566,701.28;

(2) faedah pada kadar lima peratus (5%) setahun ke atas kadar pinjaman perdana (prime lending rate) pihak Plaintif dan Tawaran Kadar Antara Bank Singapura (Singapore Inter-Bank Offer Rate) dikira berdasarkan kiraan harian dan berdasarkan 365 hari dan dengan rehat bulanan dari 26.8.1998 hinggalah ke tarikh penyelesaian;

(3) bayaran perkhidmatan bulanan pada kadar seperti yang ditentukan oleh pihak Plaintif dari bulan Ogos 1998 hinggalah ke tarikh penyelesaian; dan

(4) kos yang akan ditetapkan atas dasar peguamcara dan anakguaman.

Untuk didaftarkan sebagai Penghakiman di Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang selaras dengan Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersilang 1958 (Pindaan 1972 dan A. 67 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 DAN SELANJUTNYA DIPERINTAHKAN bahawa Defendan dikehendaki membayar Plaintif sejumlah wang USD1,812,227.65 atau yang senilai dengan matawang Ringgit iaitu RM6,886,465.07 (atas kadar pertukaran USD1 = RM3.80) seperti pada tarikh pendaftaran penghakiman iaitu 19 Januari 2000 dan faedah serta bayaran perkhidmatan bulanan selanjutnya seperti dalam penghakiman Mahkamah Tinggi Singapura yang didaftarkan di sini bersama-sama sebarang kos yang ditetapkan atas dasar peguamcara dan anakguaman.

ADALAH DIPERINTAHKAN SELANJUTNYA BAHAWA Defendan yang dinamakan di atas bebas memohon untuk mengenepikan pendaftaran tersebut dalam masa empat belas (14) hari selepas penyampaian kepadanya akan notis mengenai pendaftaran itu menurut k. 7 A. 67 jika dia ada alasan-alasan untuk berbuat sedemikian, dan perlaksanaan bagi penghakiman tersebut tidak akan dikeluarkan sehingga selepas tamat tempoh itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Mahkamah, atau sekiranya suatu permohonan dibuat untuk mengenepikan pendaftaran itu sehinggalah permohonan itu telah diselesaikan.

DAN AKHIRNYA DIPERINTAHKAN bahawa kos permohonan ini ditanggung oleh Defendan.

Bertarikh 19hb Januari, 2000

t.t

...

Penolong Kanan Pendaftar
Mahkamah Tinggi
Pulau Pinang.

Secara ringkasnya peguamcara defendan telah membangkitkan isu-isu berikut dalam penghujahannya:

(a) Kedua-dua afidavit yang difailkan oleh plaintif untuk menyokong permohonan pendaftaran penghakiman Mahkamah Tinggi Singapura itu adalah cacat;

(b) Notis tentang perintah pendaftaran tersebut tidak diserahkan ke atas diri defendan sebagaimana dikehendaki oleh A. 67 k. 7(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi;

(c) Notis tersebut juga tidak mematuhi kehendak-kehendak A. 67 k. 7(3) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi;

(d) Perintah oleh Mahkamah Tinggi Singapura itu adalah tidak jelas disebabkan adanya perintah tentang faedah dan caj lain;

(e) Kos dalam kes Mahkamah Tinggi Singapura itu belum ditentukan lagi; dan

(f) Perintah Mahkamah Tinggi Pulau Pinang yang dicabut (extracted) oleh plaintif itu tidak sah kerana perintah itu berbeza daripada perintah sebenar yang diberikan oleh hakim.

Mengenai isu (a) iaitu kecacatan afidavit plaintif kedua-dua afidavit berkenaan yang diikrarkan oleh Tan Yeu Cheng pada 14 Januari 2000 dan 15 Disember 1999 di hadapan Notari Awam di Singapura dalam Bahasa Melayu. Di dalam jurat afidavit-afidavit tersebut ianya dinyatakan dalam Bahasa Melayu bahawa kandungan afidavit-afidavit tersebut dihuraikan dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Inggeris oleh Notari Awam tersebut kepada Tan Yeu Cheng. Peguamcara defendan berhujah bahawa Notari Awam berkenaan perlu mengemukakan keterangan untuk menunjukkan bahawa dia memahami Bahasa Malaysia sebelum dia boleh membuat terjemahan ke atas kandungan afidavit itu. Bagi menyokong hujah tersebut beliau telah merujuk kepada keputusan mahkamah dalam kes *Ian James Rogers v. Menteri Sumber Manusia & Satu Lagi* [1998] 5 MLJ 290 di mana Nik Hashim PK telah menolak afidavit yang diikrarkan oleh pemohon dalam Bahasa Melayu di hadapan seorang Notari Awam di England kerana tidak ada bukti bahawa pemohon dan Notari Awam itu faham Bahasa Melayu.

Dalam hal ini saya bersetuju dengan hujah peguamcara plaintif bahawa fakta dalam kes *Ian James Rogers* itu boleh dibezakan dengan fakta kes ini kerana afidavit-afidavit dalam kes ini diikrarkan di hadapan Notari Awam di Singapura di mana Bahasa Melayu digunakan secara luas dan dengan demikian tidak ada sebab kenapa Notari Awam berkenaan tidak faham Bahasa Melayu. Di samping itu kedua-dua teks Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris afidavit-afidavit tersebut diikrarkan pada masa yang sama di hadapan Notari Awam yang sama. Ini bermakna apa yang diterjemahkan oleh Notari Awam tersebut kepada deponen adalah sebagaimana yang terkandung dalam teks Bahasa Inggeris.

Saya juga berpendapat peguamcara defendan tidak patut dibenarkan menimbulkan isu ini di peringkat penghujahan tanpa memaklumkan kepada pihak plaintif terlebih dahulu bentuk bantahan tersebut secara spesifik. Di sini pihak defendan tidak menyatakan dalam afidavitnya secara spesifik bahawa dia akan mempertikaikan keesahan kedua-dua afidavit plaintif itu di atas alasan tersebut. Pihak plaintif tidak berpeluang untuk mengemukakan bukti bahawa Notari Awam tersebut faham Bahasa Melayu.

Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas saya menolak isu tentang kecacatan afidavit-afidavit plaintif yang ditimbulkan oleh peguamcara defendan.

Isu kedua (b) adalah mengenai penyerahan notis perintah pendaftaran tersebut yang tidak mematuhi A. 67 k. 7(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi. Dalam perenggan 9 afidavit defendan yang diikrarkan pada 17 Mac 2000 defendan mengatakan bahawa plaintif gagal menyampaikan perintah bertarikh 19 Januari 2000 itu secara sendiri ke atas defendan. Sebagai menjawab pengataan tersebut plaintif telah mengatakan dalam perenggan 13 kepada afidavit yang diikrarkan oleh Tan Yeu Cheng pada 10 Ogos 2000 bahawa peguamcara defendan telah mengesahkan kepada peguamcara plaintif bahawa mereka mempunyai arahan untuk menerima penyampaian bagi dokumen tersebut bagi pihak defendan.

Aturan 67 k. 7(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi memperuntukkan seperti berikut:

> Notice of the registration of a judgment must be served on the judgment debtor and, subject to paragraph (2) must be served personally unless the Court otherwise orders.

Peruntukan tersebut dengan jelasnya mengatakan bahawa notis tersebut perlu diserahkan kepada penghutang sendiri. Walau bagaimanapun saya berpendapat keperluan tersebut tidak terpakai jika penghutang sendiri bersetuju bahawa penyampaian notis tersebut boleh dibuat ke atas

peguamnya. Oleh yang demikian dalam kes ini defendan telah bersetuju melepaskan hak untuk diserahkan notis tersebut ke atas dirinya sendiri apabila dia membenarkan peguamcaranya menerima notis tersebut bagi pihaknya. Adalah tidak wajar untuk defendan menyatakan di peringkat ini bahawa penyerahan notis tersebut ke atas peguamcaranya adalah cacat. Saya bersetuju dengan peguamcara plaintif bahawa berdasarkan pengakuan yang diberi oleh peguamcara defendan bahawa dia mempunyai arahan daripada defendan untuk menerima notis tersebut bagi pihak defendan dan di atas pengakuan tersebut peguamcara plaintif menyerahkan notis tersebut kepada peguamcara defendan maka penyerahan notis tersebut adalah sah. Dalam hal ini saya ingin merujuk kepada keputusan yang telah diberikan oleh Winslow J dalam kes *Goh Siew Wah v. Columbia Films of Malaysia Ltd* [1966] 1 MLJ 39 iaitu:

> (2) as the solicitors for the company had undertaken to accept service, Section 305 of the Companies Ordinance, which provides that process can be served on the person whose name had been registered with the registrar as the person authorized to accept process on behalf of the company, was rendered inoperative and therefore the writ was properly served in this case on the solicitors.

Isu ketiga (c) ialah samada notis tersebut mematuhi kehendak-kehendak A. 67 k. 7(3) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi seperti berikut:

> (3) The notice of registration must state:
>
> (a) full particulars of the judgment registered and the order for registration;
>
> (b) the name and address of the judgment creditor or of his solicitor or whom, and of which, any summons issued by the judgment debtor may be served;
>
> (c) the right of the judgment debtor to apply to have the registration set aside; and
>
> (d) the period within which an application to set aside the registration may be made.

Menurut peguamcara defendan notis yang telah diserahkan oleh pegumcara plaintif iaitu eks. LGT1 kepada Lampiran 8 tidak menyatakan nama dan alamat plaintif atau peguamcara plaintif. Mengenai isu ini saya berpendapat bahawa tidak ada merit dalam hujah yang dikemukakan oleh peguamcara defendan. Saya bersetuju dengan peguamcara plaintif bahawa notis tersebut telah mematuhi kehendak-kehendak A. 67 k. 7(3) di mana nama dan alamat plaintif telah dinyatakan iaitu:

> We act for and on behalf of the Development Bank of Singapore Limited of No, 6 Sherton Way, Singapore 0106.

Di samping itu nama dan alamat peguamcara plaintif ada disebut dalam kepala surat notis tersebut. Peguamcara defendan pada setiap masa mengetahui nama dan alamat peguamcara plaintif.

Isu keempat (d) ialah mengenai hujah pihak defendan bahawa perintah Mahkamah Tinggi Singapura yang didaftarkan itu tidak jelas disebabkan adanya perintah tentang faedah dan caj lain di dalamnya. Dalam perenggan 7 dan 13 afidavit defendan yang diikrarkan pada 17 Mac 2000 beliau menyatakan:

> 7. Pihak Plaintif semasa permohonan untuk Pendaftaran Penghakiman Luar bertarikh 14.5.99, gagal menyatakan jumlah faedah yang kononnya sampai tempohnya dan perlu dibayar.
>
> 13. Penghakiman jumlah yang kononnya itu bersama-sama dengan caj perkhidmatan dan faedah adalah terlampau, mengaibkan dan menyalahi undang-undang. Faedah dan caj-caj perkhidmatan yang tidak pasti dan tidak tentu itu adalah juga dikira hingga penjelasan (realisation) tidak sejajar dengan Aturan 67 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi dan Reciprocal Enforcement of Foreign Judgment Act 1958 (Pindaan 1972).

Sebagai jawapan kepada pengataan defendan itu pihak plaintif telah menjelaskan dalam perenggan 11 dan 16 afidavit yang diikrarkan oleh Tan Yeu Cheng pada 10 Ogos 2000 seperti berikut:

> 11. Saya menafikan perenggan 7 Afidavit Defendan dan merujuk kepada Afidavit Ketiga Plaintif di perenggan 4(iii) di mana faedah dan caj servis terhutang pada tarikh penghakiman sehingga pendaftaran dinyatakan sebagai US$143,696.56 atau RM546,046.99 (atas kadar pertukaran US$1 = RM3.80) faedah dan caj servis berjumlah US$143,696.56 dalam Afidavit Ketiga Plaintif adalah suatu anggaran yang dihitung sebelum tarikh pendaftaran (19.1.2000). Faedah dan caj servis yang dihitung seperti pada 19.1.2000 adalah US$151,695.55. Saya sesungguhnya percaya bahawa defendan tidak mengalami apa-apa prejudis memandangkan anggaran (berdasarkan mana penghakiman didaftarkan) adalah lebih rendah daripada jumlah yang terhutang seperti pada 19.1.2000.
>
> Sekarang dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya sesalinan pernyataan akaun plaintif seperti pada 19 Januari 2000 (berkenaan jumlah yang dihutang oleh Lim Han Poh Company Limited yang mana defendan telah memberi gerenti dan yang mana penghakiman terhadap defendan diambil di Singapore pada 14 May 1999 dan didaftarkan di sini) ditanda sebagai eks. “TYC6”.

16. Saya menafikan perenggan 13 afidavit defendan dan menegaskan bahawa jumlah yang dituntut terhadap defendan adalah berdasarkan penghakiman Singapura yang defendan tidak merayu terhadapnya ataupun memohon untuk mengenepikannya dan oleh itu defendan dihalang daripada mencabar jumlah penghakiman, faedah atau caj servis. Walau apa pun jumlah tersebut telahpun dipersetujui oleh defendan secara kontrak. Plaintif tidak dihalang daripada menuntut faedah dan caj servis sehingga penyelesaian/penjelasan hutang tersebut.

Menurut peguamcara defendan di bawah A. 67 k. 3(1)(d) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi sesuatu afidavit menyokong permohonan untuk mendaftar perintah mestilah menyatakan jumlah faedah yang kena dibayar di bawah perintah tersebut sehingga masa pendaftaran perintah tersebut. Walau bagaimanapun dalam afidavit plaintif yang diikrarkan pada 17 September 1999 oleh Tan Yeu Cheng dia mengatakan dalam perenggan 3 dan 6 seperti berikut:

3. Pada 14.5.1999 Plaintif telah memperolehi penghakiman terhadap Defendan yang tersebut di atas dari Mahkamah Tinggi, Mahkamah Republik Singapura Guaman No. 1490 tahun 1998 setelah perkara itu dibicarakan dan seterusnya memperolehi penghakiman untuk:

(i) jumlah wang sebanyak US$1,566,701.28;

(ii) faedah pada kadar lima peratus setahun ke atas kadar pinjaman perdana (prime lending rate) pihak Plaintif dan Tawaran Kadar Antara Bank Singapura (Singapore Inter-Bank Offer Rate) dikira berdasarkan kiraan harian dan berdasarkan 356 hari dan dengan rehat bulanan dari 26.8.1998 hinggalah ke tarikh penyelesaian;

(iii) bayaran perkhidmatan bulanan pada kadar seperti yang ditentukan oleh pihak Plaintif dari bulan Ogos 1998 hinggalah ke tarikh penyelesaian; dan

(iv) kos yang akan ditetapkan atas dasar peguamcara dan anakguaman.

Satu salinan yang sah Perintah tersebut dilampirkan di sini dan bertanda sebagai eks. “TYC1”.

6. Jumlah wang perlu dibayar di bawah Penghakiman tersebut pada tarikh penghakiman tersebut ialah USD1,566,701.25 dan tambahan USD101,829.81 (merupakan faedah dan bayaran perkhidmatan yang diawadkan dalam penghakiman tersebut sehingga tarikh Penghakiman) yang mana pada kadar pertukaran semasa pada tarikh Penghakiman tersebut (ie, 14.5.1999) sebanyak USD1 = RM3.80 adalah pada matawang Malaysia RM6,340,418.14 dan kos yang akan ditetapkan atas dasar peguamcara dan anakguaman.

Adalah jelas daripada afidavit tersebut bahawa jumlah hutang prinsipal defendan ialah USD1,566,701.25 dan jumlah yang kena dibayar dalam bentuk faedah dan bayaran perkhidmatan ialah USD101,829.81. Aturan 67 k. 3(1)(d) menyatakan afidavit perlu menyatakan jumlah dalam bentuk faedah sahaja. Oleh yang demikian, menurut peguamcara defendan, defendan tidak boleh mengetahui jumlah faedah yang dia kena bayar. Sehubungan dengan ini juga peguamcara defendan berhujah seterusnya bahawa tidak dinyatakan bagaimana plaintif mengira faedah dan caj perkhidmatan yang dituntut itu. Oleh itu beliau berhujah bahawa perintah Mahkamah Singapura itu adalah tidak menentu (uncertain) serta berubah-ubah (variable). Peguamcara defendan juga berhujah bahawa plaintif gagal memaklumkan kadar faedah atau kadar antara bank yang dikenakan. Bagi menyokong hujah beliau bahawa ketidaktentuan mengenai faedah dalam penghakiman menyebabkan perintah tersebut tidak sah beliau merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman v. Arab-Malaysian Finance Berhad* [1996] 1 CLJ 241 di mana mahkamah telah memutuskan bahawa penghakiman ingkar dalam kes tersebut tidak jelas walaupun rujukan telah dibuat kepada perjanjian pinjaman kerana perayu masih lagi bingung mengenai jumlah faedah yang dia harus bayar disebabkan penghakiman tersebut mengandungi unsur faedah kontraktual pada kadar yang berubah-ubah dan dari bila faedah itu harus dikira bergantung kepada budibicara mutlak penentang.

Peguamcara plaintif sebaliknya menafikan bahawa perintah Mahkamah Singapura bertarikh 14 September 1999 itu tidak menentu dan berubah-ubah. Menurut beliau plaintif telah mengemukakan penyata akaun iaitu eks. "TYC6" dalam afidavit plaintif yang menunjukkan caj perkhidmatan adalah kecil sahaja iaitu hanya USD26.94 daripada keseluruhan jumlah USD101,829.81 yang dituntut dan tidak ada apa-apa caj perkhidmatan dikenakan selepas penghakiman diperolehi. Juga dalam kes ini kadar faedah yang dituntut adalah mengikut terma kontrak yang telah dipersetujui oleh defendan.

Saya bersetuju dengan hujah peguamcara plaintif bahawa afidavit yang difailkan oleh pihak plaintif untuk menyokong permohonan plaintif untuk mendaftar penghakiman Mahkamah Tinggi Singapura itu telah mematuhi kehendak A. 67 k. 3(1)(d) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Peruntukan tersebut cuma menghendaki jumlah faedah dinyatakan tetapi ia tidak menyatakan jumlahnya tidak boleh termasuk jumlah-jumlah lain yang kena dibayar. Lagipun jumlah yang dituntut untuk caj perkhidmatan tersebut adalah suatu jumlah yang kecil dan juga jumlah tersebut adalah jumlah yang kena dibayar oleh defendan juga. Jadi tidak salah pihak plaintif menuntut jumlah tersebut bersama-sama dengan faedah yang kena dibayar.

Mengenai dakwaan defendan bahawa perintah Mahkamah Singapura berkaitan dengan faedah itu tidak menentu dan berubah-ubah perintah tersebut mengatakan bahawa plaintif dikehendaki membayar "faedah pada kadar lima peratus setahun ke atas kadar pinjaman prima (prime lending rate) plaintif dan Tawaran Kadar Antara Bank Singapura (Singapore Inter-Bank Offer Rate) dikira berdasarkan kiraan harian dan berdasarkan 356 hari dan dengan rehat bulanan dari 26 Ogos 1998 hinggalah ke tarikh penyelesaian". Kes ini dapat dibezakan daripada fakta dalam kes *Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman (supra)* kerana maklumat tentang "prime lending rate" dan "Singapore Inter Bank Rate" boleh diperolehi oleh orang awam setiap hari dan dengan demikian defendan sebagai seorang pengarah syarikat boleh mengira sendiri jumlah faedah yang kena dibayar itu. Sebaliknya dalam kes *Tuan Haji Abdul Rahman* itu perintah mahkamah mengenai faedah menyatakan "... together with interest thereon at 1% above the prescribed rate which is the sum of the margin (as therein defined) and the base lending rate of the plaintiff on a daily rests from 1 April 1988 till the date of full realisation ...". Mahkamah Persekutuan dalam kes tersebut telah memutuskan bahawa perintah tersebut masih tidak jelas walaupun rujukan telah dibuat kepada perjanjian pinjaman kerana perayu masih lagi bingung mengenai jumlah faedah yang dia harus bayar kerana perintah tersebut mengandungi unsur faedah kontraktual pada kadar yang berubah-ubah dan dari bila faedah itu harus dikira bergantung kepada budibicara mutlak penentang. Perintah dalam kes *Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman (supra)* dengan jelasnya berbeza dengan perintah dalam kes ini. Lagipun dalam kes tersebut ia melibatkan permohonan oleh perayu untuk mengketepikan penghakiman ingkar dan Mahkamah Persekutuan juga telah memutuskan bahawa terdapat kesalahan prosedur dalam proses membuat keputusan tersebut. Ini bermakna penghakiman dalam kes *Tuan Haji Ahmed Abdul Rahman* telah diketepikan atas beberapa sebab dan tidak hanya kerana penghakiman tersebut kurang jelas.

Di dalam kes *Lee Wah Bank Limited v. Chee Kang Electrical Engineering Sdn. Bhd. & Ors.* [1999] 2 CLJ 977 Abdul Aziz H telah memutuskan bahawa perkataan-perkataan "with further interest at 3% above the base lending rate from 1 July 1991 until full settlement" adalah jelas tentang kadar faedah yang dipohon.

Di samping itu jikapun benar hujah peguamcara defendan bahawa bahagian perintah berkaitan dengan faedah itu tidak jelas ia pada pendapat saya tidak menjadikan keseluruhan perintah tersebut tidak sah. Cuma bahagian yang tidak jelas sahaja menjadi tidak sah tetapi bahagian ini boleh diasingkan daripada bahagian perintah yang jelas dan pihak defendan sekurang-kurangnya patut membayar jumlah yang tidak dipertikaikan iaitu jumlah

sebanyak US$1,566,701.28. Perkara ini telah dinyatakan oleh Mahkamah Rayuan Singapura dalam kes *Yong Tet Miaw & Anor v. MBf Finance Berhad* [1992] 2 SLR 761 di mana diputuskan, antara lainnya, bahawa:

> (2) The appellants' contention that the judgment was bad because it was vague and ambiguous could not stand. Although there was ambiguity as to the rate of interest awarded on the judgment sum of M$1.75M, there was absolute certainty as to the specified sums of M$1.75M plus M$260,895.37 and costs of $250 for which judgment was given. Thus, the judgment was severable in that certain parts of it could be clearly identified and separated from the uncertain parts. In view of this, and having regard to s. 3(3)(b) of the Act, the respondents should be allowed to enforce so much of the judgment as could not be disputed or impugned before the Singapore courts.

Peguamcara defendan seterusnya berhujah bahawa kos bagi kes Mahkamah Tinggi Singapura perlu ditaksirkan sebelum penghakiman mahkamah tersebut boleh didaftarkan di Malaysia. Bagi menyokong hujahnya peguamcara defendan telah merujuk kepada petikan dari K.S. Dass on Reciprocal Enforcement of Judgments Act 1958 dan kes *Henderson v. Henderson* [1911] 6 QB 287. Saya berpendapat kedua-dua petikan dan kes *Henderson* itu tidak menyatakan bahawa sebelum sesuatu perintah mahkamah luar negara boleh didaftarkan kos yang diperintahkan dibayar perlu ditaksirkan terlebih dahulu. Saya berpendapat perintah mahkamah negara luar boleh didaftarkan di bawah Reciprocal Enforcement of Judgments Act 1958 walaupun kos berkaitan kes itu belum ditaksirkan. Tiada peruntukan di bawah Akta tersebut atau di bawah A. 67 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1960 menyatakan jumlah kos perlu dinyatakan semasa permohonan untuk mendaftar penghakiman tersebut dibuat. Oleh yang demikian ia tidak menjadikan perintah mahkamah ini yang membenarkan perintah Mahkamah Tinggi Singapura didaftar sebagai tak sah. Oleh kerana kos belum ditaksirkan lagi maka jumlah dalam bentuk kos tidak boleh dikuatkuasa ke atas defendan lagi. Lagi pun perintah Mahkamah Tinggi Singapura berkaitan dengan kos itu boleh diasingkan jika ianya tidak jelas atau membingungkan defendan *(Yong Tet Miaw & Anor v. MBf Finance Berhad (supra)).*

Saya berpendapat isu utama dalam permohonan oleh defendan ialah mengenai hujah peguamcara defendan bahawa perintah mahkamah ini bertarikh 19 Januari 2000 adalah berbeza daripada perintah yang dicabut (extracted) oleh peguamcara plaintif. Dalam permohonan plaintif di Lampiran 2 plaintif telah memohon untuk mendapat perintah mahkamah ke atas perkara yang dinyatakan dalam saman pemula dan dalam keputusannya mahkamah telah membenarkan permohonan plaintif itu seperti dipohon. Ini

bermakna mahkamah telah membenarkan kesemua "prayer" yang dipohon oleh plaintif dalam permohonan plaintif menurut A. 67 k. 2 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Dalam perintah yang dicabut oleh peguamcara plaintif (Lampiran 4) ia bukan sahaja mengandungi perintah berkaitan dengan permohonan asal plaintif tetapi ia juga mengandungi dua perintah tambahan yang sememangnya tidak dinyatakan secara spesifik oleh plaintif di dalam permohonan asalnya. Di bawah perintah tambahan pertama defendan dikehendaki membayar wang berjumlah US$1,812,227.65 atau RM6,886,465.07 seperti pada 19 Januari 2000 (tarikh perintah dikeluarkan) dan perintah tambahan kedua menyatakan defendan mempunyai tempoh 14 hari selepas penyampaian notis untuk membuat permohonan bagi mengenepikan perintah pendaftaran penghakiman itu.

Oleh kerana perintah yang dicabut dan dimeteraikan itu mengandungi dua perintah tambahan yang tidak terdapat dalam perintah asal mahkamah maka keseluruhan perintah yang dicabut itu, menurut peguamcara defendan, adalah tak sah dan dengan demikian mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk mengenepikan perintah pendaftaran bertarikh 19 Januari 2000 itu.

Lanjutan kepada perkara ini peguamcara defendan berhujah bahawa setiap perintah yang dikeluarkan menurut A. 67 k. 5(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 mestilah dalam bentuk Borang 145. Menurut peguamcara defendan perintah tambahan pertama di bawah perintah bertarikh 19 Januari 2000 itu iaitu yang menghendaki defendan membayar sejumlah wang tidak terdapat di dalam Borang 145 itu. Mengenai perintah tambahan kedua iaitu tempoh 14 hari untuk defendan membuat permohonan untuk mengenepikan perintah tersebut tempoh tersebut hendaklah ditetapkan oleh mahkamah setelah dipohon oleh plaintif. Bagi menyokong hujahnya peguamcara defendan telah merujuk kepada kes *Re Raja Jayaraman Kerpaya, Ex P Associated Asian Securities (Pte) Limited* [1999] 5 CLJ 23 di mana mahkamah telah memutuskan bahawa perintah pendaftaran perlulah dibuat menurut Borang 145 dan kegagalan menyebut tempoh untuk defendan membuat permohonan bagi mengenepikan perintah pendaftaran itu seperti dinyatakan di bawah A. 67 k. 5(2) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 merupakan suatu peninggalan yang serius.

Bagi menjawab hujah peguamcara defendan peguamcara plaintif telah berhujah bahawa pihak defendan dihalang daripada menimbulkan perkara tersebut kerana perkara itu tidak dinyatakan dalam permohonan dan afidavit defendan. Mengenai perkara ini saya berpendapat bahawa oleh kerana perkara yang dibangkitkan oleh defendan itu melibatkan isu undang-undang sahaja maka defendan tidaklah perlu menyatakan isu tersebut dalam afidavitnya secara spesifik. Isu mengenai undang-undang boleh ditimbulkan

oleh peguamcara defendan tanpa terlebih dahulu disebut dalam afidavit dan permohonan defendan kerana secara umumnya defendan membuat permohonan dalam Lampiran 9 untuk mencabar keesahan perintah bertarikh 19 Januari 2000 itu. Oleh itu apa jua isu undang-undang berkaitan dengan keesahan perintah itu yang dibangkitkan oleh defendan wajar dibenarkan oleh mahkamah.

Peguamcara plaintif seterusnya berhujah bahawa hujahan peguamcara defendan mengenai perkara ini tidak bermerit kerana menurut permohonan plaintif di dalam saman pemula (Lampiran 2) plaintif juga memohon secara umum supaya penghakiman Mahkamah Singapura itu "didaftarkan sebagai penghakiman di Mahkamah Tinggi Malaya di Pulau Pinang selaras dengan Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersilang 1958 (Pindaan 1975) dan A. 67 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980". Menurut peguamcara plaintif perintah bertarikh 19 Januari 2000 yang dicabut itu adalah menurut kehendak-kehendak di bawah Reciprocal Enforcement of Judgments Act 1958 dan A. 67 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Perintah tambahan pertama dan kedua yang terdapat dalam perintah bertarikh 19 Januari 2000 itu, menurut peguamcara plaintif, adalah selaras dengan A. 67 k. 5 dan perintah-perintah tambahan itu adalah perintah-perintah yang dipohon oleh perayu di dalam saman pemula.

Peguamcara plaintif juga berhujah bahawa perintah tambahan pertama itu adalah untuk menjelas jumlah yang perlu dibayar oleh defendan di bawah penghakiman Mahkamah Tinggi Singapura setakat tarikh 19 Januari 2000 dan ia tidak menimbulkan apa-apa liabiliti tambahan ke atas defendan. Menurut peguamcara plaintif perintah-perintah tambahan itu adalah untuk memberi kesan kepada perintah asal yang diberikan oleh mahkamah semasa membenarkan permohonan asal plaintif dan ianya bukanlah variasi kepada perintah asal yang dikeluarkan oleh mahkamah. Bagi menyokong hujah ini peguamcara plaintif merujuk kepada kes Singapura iaitu *Tan Yeow Khoon & Anor v. Tan Yew Tat & Anor (No. 2)* [2000] 3 SLR 323.

Secara alternatifnya peguamcara plaintif berhujah bahawa jikapun ada variasi ke atas perintah yang dibuat oleh mahkamah dalam perintah yang dicabut itu ianya patut dianggap sebagai satu luar aturan sahaja berdasarkan hal keadaan kes ini dan hakikatnya bahawa perintah tambahan itu tidak mendatangkan apa-apa mudarat kepada defendan.

Saya berpendapat saman pemula yang difailkan oleh plaintif jika dilihat secara keseluruhannya bukan sahaja terhad kepada "prayer" yang dinyatakan secara spesifik di bawah saman pemula tersebut tetapi juga termasuk permohonan secara umum bahawa perintah Mahkamah Tinggi Singapura itu

didaftar menurut Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 dan A. 67 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980. Oleh yang demikian apabila mahkamah membenarkan permohonan plaintif seperti dipohon maka perintah mahkamah itu perlu dibaca dalam konteks yang lebih luas iaitu perintah tersebut termasuk semua perintah yang perlu sebagaimana dinyatakan di bawah Borang 145 bagi memberi kesan kepada 'prayer' yang dinyatakan secara spesifik dalam saman pemula itu. Perintah tambahan pertama itu cuma menjelaskan jumlah sebenar yang perlu dibayar oleh defendan pada tarikh perintah pendaftaran (19 Januari 2000) itu dibuat akibat daripada keputusan mahkamah membenarkan perintah Mahkamah Tinggi Singapura itu didaftarkan. Dalam afidavit tambahan (II) plaintif telah menyatakan bahawa jumlah yang terhutang pada 19 Januari 2000 ialah USD1,812,227.65 atau RM6,886,465.07 iaitu jumlah yang dihutang termasuk faedah sehingga 3 Januari 2000. Ia tidak menimbulkan sebarang liabiliti baru ke atas defendan tetapi sebaliknya menyatakan dengan jelas jumlah yang kena dibayar oleh defendan. Perintah tambahan pertama ini tidak memudaratkan defendan. Perintah ini juga selaras dengan salah satu perenggan dalam Borang 145 itu.

Mengenai perintah tambahan kedua iaitu berkaitan tempoh 14 hari untuk defendan membuat permohonan bagi mengenepikan perintah bertarikh 14 Januari 2001 saya bersetuju dengan hujah peguamcara plaintif bahawa ianya tidak mendatang apa-apa mudarat kerana defendan telahpun membuat permohonan dalam tempoh tersebut untuk mengenepikan perintah itu. Isu mengenai kelewatan pihak defendan membuat permohonan tidak timbul dalam kes ini. Oleh itu jikapun perintah tambahan pertama dan kedua ini merupakan variasi kepada perintah asal mahkamah saya berpendapat ia boleh dianggap sebagai suatu luar aturan di bawah A. 2 k. 1(1) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan tidak menjadikan perintah bertarikh 19 Januari 2000 itu tak sah. Di samping itu jika perintah tambahan tersebut tidak selaras dengan perintah asal mahkamah pada 19 Januari 2000 ia boleh diasingkan daripada perintah asal itu.

Di bawah A. 67 k. 9(3) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ia memperuntukkan keadaan-keadaan di mana mahkamah boleh mengenepikan perintah mahkamah negara luar yang didaftar di Malaysia. Salah satu alasan yang dinyatakan dalam aturan tersebut ialah "That it is not just or convenient that the judgment should be enforced in Malaysia". Dalam kes *Edwards & Co. v. Picard* [1909] 2 KB 903 Fletcher Moulton CJ berpendapat perkataan-perkataan "just or convenient" mempunyai makna yang sama dengan perkataan-perkataan "where it is practicable and the interests of justice require it". Dalam kes ini setelah menimbang hujah-hujah peguambela plaintif dan defendan mengenai permohonan defendan

untuk mengketepikan perintah pendaftaran Mahkamah Tinggi Singapura itu saya berpendapat alasan-alasan yang ditimbulkan adalah tidak bermerit dan dengan demikian saya berpendapat atas kepentingan keadilan perintah pendaftaran bertarikh 19 Januari 2000 itu patut dikekalkan. Oleh itu berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas permohonan defendan dalam Lampiran 9 ditolak dengan kos.